



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

# SESI PERKONGSIAN PENILAIAN ANUGERAH AKADEMIK NEGARA

OLEH:

**PROF. DR. ROOSFA BIN HASHIM**

PENGERUSI

KATEGORI ANUGERAH PENERBITAN BUKU



<http://jpt.mohe.gov.my>



Jabatan Pendidikan Tinggi




jabatanpendidikantinggi



@jpt\_kpt



Jabatan Pendidikan Tinggi TV



Anugerah ini diberikan kepada pengarang buku ilmiah karya asli yang bukunya telah menerima anugerah/hadiah buku yang berprestij pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa untuk tahun yang dinilai

atau anugerah/hadiahnya diterima dalam **tempoh lima (5) tahun** sebelum tarikh tutup pencalonan pada tahun penilaian

Buku berkenaan hendaklah memperlihatkan dampak ilmiah dan menerobos sempadan ilmu

## KARYA ASLI

- karya yang dihasilkan sendiri oleh pengarang berkenaan yang julung kali diterbitkan, dan bukan terjemahan, saduran atau ciplakan

## BUKU ILMIAH POPULAR

- buku yang ditulis secara sistematik berasaskan fakta dan hasil penyelidikan tetapi dipersembahkan dalam bentuk, gaya dan ilustrasi yang menarik serta mudah dibaca oleh pembaca umum

## BUKU ILMIAH

- buku yang ditulis secara sistematik berasaskan fakta dan hasil penyelidikan yang dianalisis secara kritis melalui penghujahan ilmiah, bukan penulisan kreatif yang ditulis berasaskan imaginasi atau penulisan kewartawanan

## DAMPAK ILMIAH

- karya tersebut tersebar dalam kalangan sarjana, berada dalam koleksi perpustakaan terkemuka kebangsaan dan antarabangsa, diwacana atau diulas dalam pelbagai media

## PENEROBOSAN SEMPADAN ILMU

- karya tersebut menampilkan ilmu baharu

## BADAN PEMBERI ANUGERAH BERPRESTIJ

- institusi atau pertubuhan berwibawa yang memberi anugerah secara tekal dan mengamalkan kaedah pemilihan yang telus dan profesional

## PENGARANG

- penulis buku berkenaan sama ada secara tunggal atau bersama, dan bukan penyunting, penyusun atau penterjemah

## PENERBIT ILMIAH

- institusi awam, profesional atau kesarjanaan yang fokus terbitannya adalah bahan ilmiah

Buku ini telah memenangi anugerah yang berprestij untuk tahun yang dinilai atau anugerah/hadiahnya diterima dalam **tempoh lima (5) tahun** sebelum tarikh tutup pencalonan pada tahun yang dinilai

Pengarang dan universiti boleh menghantar lebih daripada satu pencalonan pada tahun yang dinilai



Buku ini diterbitkan menurut amalan penerbitan ilmiah yang piawai di peringkat antarabangsa

Buku ini belum pernah dicalonkan dalam Anugerah Akademik Negara (AAN)

Buku ini memperlihatkan dampak ilmiah dan menerobos sempadan ilmu



## ISU-ISU PERMOHONAN

01



Anugerah yang diterima tidak tersenarai dalam syarat permohonan.

02



Salinan sijil anugerah tidak disertakan.

03



Impak penulisan pada buku adalah sederhana.

04



Buku tidak ditransformasikan sepenuhnya ke bentuk buku, dan masih mengekalkan gaya dan struktur penulisan tesis.

## ISU-ISU PERMOHONAN

05



Surat persetujuan pengarang bersama tidak disertakan

06



Bukti impak buku tidak disertakan

07



Terdapat masalah penyuntingan dan percetakan menyebabkan persembahan buku tidak kemas

08



Nota kuliah atau bahan pengajaran yang dijadikan buku



## ISU-ISU PERMOHONAN

09



Kaedah penulisan persumberan tidak tepat dan tidak lengkap

10



Amalan penerbitan tidak diikuti

11



Integriti kepengarangan meragukan berdasarkan catatan prakata

12



Kesempurnaan buku : banyak kelemahan dan kesilapan pada anatomi





# SESI SOAL JAWAB



*Sekian, terima kasih...*